



KENYATAAN MEDIA

PENAMATAN PSU DIJANGKA TIDAK MENINGKATKAN KADAR PEMBERHENTIAN KERJA ATAU PENGANGGURAN

KUALA LUMPUR – Hasil tinjauan yang dijalankan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pada hujung tahun lalu menunjukkan bahawa penamatan Program Subsidi Upah (PSU) **dijangka tidak akan menyumbang kepada peningkatan pemberhentian kerja atau kadar pengangguran.**

Tinjauan tersebut, yang dilaksanakan oleh **Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan EIS-UPMCS (EU-ERA)**, meliputi **469 syarikat yang menerima PSU**. Hasil tinjauan mendapati hanya 15% daripada responden merancang untuk mengurangkan pekerja mereka, sementara **29%** bercadang untuk **meningkatkan jumlah pekerja** mereka dan **lebih daripada separuh atau 56% cenderung untuk mengekalkan pekerja yang sedia ada**. Berdasarkan penemuan ini, dapat dirumuskan bahawa **penamatan PSU dijangka tidak akan meningkatkan kadar pemberhentian pekerjaan dan pengangguran.**

Tinjauan ringkas (*snap survey*) yang dijalankan secara dalam talian ini bertujuan menilai impak penamatan PSU ke atas pekerjaan. Ia bermula pada 30 Oktober dan berakhir pada 22 November 2020.

Hasil tinjauan tersebut diperincikan oleh EU-ERA dalam Laporan ***The Day After Tomorrow: Estimating the Impacts of Ending Temporary Wage Subsidy Programme.***

PSU dirangka oleh kerajaan sebagai bantuan kewangan langsung kepada syarikat untuk mengekalkan pekerjaan semasa berlakunya pandemik COVID-19. Program PSU 1.0 yang dilancarkan pada 1 April 2020 merangkumi bantuan kewangan selama 6 bulan dan bantuan ini dilanjutkan selama 3 bulan lagi di bawah PSU 2.0. **Sehingga 31 Disember 2020, lebih 3.7 juta pekerja dan 428,516 majikan telah mendapat manfaat daripada kedua-dua program ini.**

Penamatan PSU telah membawa kepada perdebatan umum mengenai sejauh mana kesannya kepada pekerjaan dan seterusnya implikasi terhadap kadar pengangguran.

Hasil daripada tinjauan ini juga **menyokong pelaksanaan PSU bersasar** pada tahun ini seperti yang terkandung dalam Belanjawan 2021. Terdapat syarikat dalam beberapa sektor yang telah menunjukkan pemulihan setelah kerajaan membuka semula aktiviti ekonomi sejak Jun 2020 dan disokong dengan pelaksanaan pakej-pakej rangsangan ekonomi. Namun begitu, masih terdapat syarikat di sektor-sektor seperti pelancongan yang masih memerlukan bantuan PSU kerana pemulihan di sektor-sektor ini dijangka akan mengambil masa yang lebih lama.

Walau bagaimanapun, penemuan tinjauan ini tidak mengambil kira kesan ekonomi akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Lembah Klang yang bermula pada 14 Oktober 2020 lalu dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang bermula pada 13 Januari 2021. PKPB dan PKP 2.0 dijangka memberi impak sederhana kepada pemulihan ekonomi dan seterusnya, berpotensi memberi kesan kepada pekerjaan.

PERKESO, menerusi Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), akan terus memainkan peranan penting sebagai pelengkap kepada maklumat pasaran buruh di Malaysia. EU-ERA adalah pusat penyelidikan kolaboratif antara SIP PERKESO dan Universiti Putra Malaysia Consultancy & Services (UPMCS).

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
KETUA EKSEKUTIF
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
6 FEBRUARI 2021